

NO SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah pembasmian kilang haram yang dilihat semakin berleluasa dan mendatang masalah kepada penduduk berhampiran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius kewujudan kilang-kilang yang beroperasi secara haram. Terdapat dua punca kuasa yang boleh digunakan oleh Yang Dipertua (YDP) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membanteras kewujudan kilang-kilang haram dalam kawasan masing-masing.
2. Di bawah Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133], YDP PBT mempunyai kuasa untuk meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan. YDP PBT juga boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 19 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, [Akta 172], iaitu larangan terhadap pemajuan tanpa Kebenaran Merancang di dalam kawasan operasi PBT.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah lain yang diambil oleh PBT untuk membendung masalah kilang haram ini adalah seperti berikut:
 - (i) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN).
 - (ii) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan iaitu dengan mengeluarkan Notis Pemberhentian Dan Kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (UUK) dan di bawah Seksyen 44 (1) (D) Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 bagi kesalahan kacau ganggu; dan

NO SOALAN : 25

- (iii) Mewujudkan pasukan khas (*task force*) penguatkuasaan kilang haram bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan, pemantauan dan pemeriksaan kilang yang tidak mempunyai lesen dan berlesen sekiranya melanggar syarat-syarat pelesenan.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sesetengah negeri seperti di Selangor, mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) iaitu Garis Panduan Penyeragaman Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor. Selain itu, di Pulau Pinang juga terdapat Garis Panduan Penguatkuasaan Binaan Tanpa Kebenaran PBT, Garis Panduan Penguatkuasaan Terhadap Binaan di Dalam Tanah Individu dan Garis Panduan Pemantauan Lesen-lesen Premis.

Sekian, terima kasih.